

PULAU PINANG, 9 OKT (BERNAMA) -- PEMANGKU PERDANA MENTERI, DATUK SRI (DR.) MAHATHIR MOHAMAD MENEGASKAN BAHAWA KRISIS POLITIK YANG SEDANG MELANDA NEGERI KELANTAN TIDAK AKAN MENJEJASKAN KEADAAN EKONOMI SERTA KESELAMATAN NEGARA.

BELIAU MEMPERI JAMINAN BAHAWA KESTABILAN POLITIK MALAYSIA ADALAH TERJAMIN WALAUPUN TERDAPAT KRISIS-KRISIS DAN KERAJAAN TIDAK KHUATIR AKAN SUASANA DEMIKIAN.

DATUK SRI (DR.) MAHATHIR MEMBERITAHU DEMIKIAN SETELAH DISOAL MENGENAI PERKEMBANGAN POLITIK DI NEGARA INI DALAM SATU SIDANG AKHBAR DI WISMA PERSEKUTUAN DI SINI, SEBELUM BERLEPAS KE KUALA LUMPUR SETELAH BERADA DI PULAU PINANG SEJAK SEMALAM.

BELIAU MENEKANKAN BAHAWA DALAM SESEBUAH NEGARA DEMOKRATIK, KRISIS-KRISIS POLITIK SAMADA KECIL ATAUPUN BESAR TETAP AKAN BERLAKU KERANA +ADA+ ANTARA AHLI-AHLI POLITIK YANG INGIN MENDAPATKAN TEMPAT DALAM KERAJAAN.

+ WALAUPUN KRISIS ITU BERLAKU, PENTADEIRAN NEGARA MASIH BERJALAN DENGAN LICIN DAN INI MEMBUKTIKAN BAHAWA IA TIDAK MEMBERI KESAN TERHADAP KEADAAN EKONOMI DAN KESELAMATAN NEGARA, + KATANYA.

BELIAU MENJELASKAN KESELAMATAN NEGARA MENJADI TANGGUNGJAWAB KERAJAAN PUSAT DAN PEGAWAI-PEGAWAI KESELAMATANNYA TIDAK TERLIBAT DALAM MANA-MANA KRISIS DALAM NEGERI-NEGERI SEPERTI KELANTAN DAN MELAKA. -- BERSAMBUNG 1050/LK

MAHATHIR 2 PULAU PINANG

DATUK SRI DR. MAHATHIR JUGA MEMBERITAHU BAHAWA MALAYSIA MERUPAKAN SALAH SEBUAH NEGARA DEMOKRATIK DAN KESTABILAN POLITIKNYA TELAH DAPAT MENARIK RAMAI PELABUR-PELABUR ASING.

+ SEBARANG KRISIS POLITIK TIDAK AKAN MENUKARKAN PANDANGAN PELABUR-PELABUR ASING TERHADAP MALAYSIA, + JELASNYA.

MENGENAI SUNGUTAN KONONNYA KAUM BUMIPUTRA MASIH KETINGGALAN DALAM MENGEJAR PEMBANGUNAN, PEMANGKU PERDANA MENTERI BERKATA USAHA-USAHA SEDANG GIAT DIBUAT UNTUK MEMPERCEPATKAN PENGLIBATAN MEREKA MENERUSI NASIHAT DAN TUNJUK AJAR.

BELIAU MEMPERI CONTOH DASAR EKONOMI BARU SEBAGAI BANDINGAN. SEBELUM DILANCARKAN, KURANG SEKALI TERDAPAT KAUM BUMIPUTRA YANG BERMINAT DALAM PERNIAGAAN TETAPI SEKARANG ANGKANYA KIAN MENINGKAT.

+ BEITULAH JUGA DENGAN PEMBANGUNAN, PADA MULANYA PENYERTAAN KAUM BUMIPUTRA KURANG MEMUASKAN TETAPI SAYA YAKIN INI DAPAT DIATASI, + KATANYA.

DATUK SRI DR. MAHATHIR JUGA MENYENTUH MENGENAI RAYUAN BEBERAPA ORANG IBU BAPA KEPADA DOKTOR-DOKTOR YANG IJAZAH MEREKA TIDAK DIKTIRAFKAN OLEH KERAJAAN.

BELIAU MENJELASKAN BAHAWA PROFESYEN PERUBATAN MELIBATKAN HIDUP ATAU MATI SESEORANG MANUSIA DAN JIKA BERLAKU SESUATU KESILAPAN BEBANNYA AKAN DITANGGUNG OLEH SI PESAKIT DAN BUKAN OLEH DOKTOR.

--BERSAMBUNG 1055/LK

MAHATHIR 3 PULAU PINANG

132

DALAM MENENTUKAN BAHAWA SEMUA DOKTOR DI DALAM NEGARA INI BENAR-BENAR LAYAK, KERAJAAN TERPAKSA MENENTUKAN TARAF DAN KEMUNGKINAN SESEORANG DOKTOR ITU, JELASNYA.

+JIKA INI TIDAK DILAKUKAN, ADA KEMUNGKINAN RAWATAN YANG DIBERI TIDAK MEMUASKAN, +KATANYA.

MENGENAI MASALAH PENIAGA-PENIAGA KECIL, TERUTAMA DI PULAU PINANG, DATUK SRI (DR.) MAHATHIR MENERANGKAN BAHAWA USAHA-USAHA KERAJAAN UNTUK MEMBANTU MEREKA AKAN TERJEJAS SEKIRANYA GOLONGAN INI KURANG CEKAP DALAM MENGURUSKAN PERNIAGAAN MASING-MASING.

MENURUTNYA, MASALAH UTAMA YANG DIHADAPI SEKARANG IALAH MODAL KERANA PARA PENIAGA KECIL MENGANGGAP WANG PINJAMAN SERAGAI +DUIT SENDIRI+.

+ RAMAI ANTARA MEREKA YANG INGIN MEMESARKAN PERNIAGAAN MASING-MASING TETAPI INI DILAKUKAN MELALUI HUTANG ATAU PINJAMAN MENYEBABKAN MEREKA TIDAK DAPAT MEMIKUL TANGGUNGJAWAB YANG LEBIH BERAT, +JELASNYA.

KERAJAAN AKAN MENGAMBIL LANGKAH-LANGKAH TERTENTU BAGI MEMBANTU PENIAGA-PENIAGA KECIL. INI TERMASUK MEMBERI TEMPAT-TEMPAT YANG SESUAI SERTA NASIHAT DAN TUNJUK AJAR. --BERSAMBUNG HM 1121

MAHATHIR 4 PULAU PINANG

DATUK SRI DR. MAHATHIR YANG TIBA DI SINI KELMARIN JUGA TELAH MENGADAKAN PERJUMPAAN DENGAN JAWATANKUASA AGUNG DEWAN PERNIAGAAN DAN PERUSAHAAN MELAYU.

BELIAU MEMBERITAHU BAHAWA BEBERAPA MASALAH TELAH DIBANGKITKAN DALAM PERJUMPAAN TERSEBUT, DIANTARANYA IALAH PROJEK PERUMAHAN DI ARAB SAUDI, PERANAN MARA DALAM BAS EKSPRES DAN JUGA KEMUNGKINAN MEMULAKAN PERKHIDMATAN BAS MINI.

MENGENAI PROJEK PERUMAHAN DI ARAB SAUDI, DEWAN TELAH MELAHIRKAN SUNGUTAN BAHAWA MEREKA TIDAK DIRUNDING DAHULU DAN TIDAK MEMPUNYAI PERANAN LANGSUNG DALAM PROJEK ITU.

BAGAIMANAPUN, DATUK SRI DR. MAHATHIR MENJELASKAN BAHAWA PROJEK ITU BUKAN DIURUSKAN OLEH KERAJAAN TETAPI ANTARA MENTERI PERUMAHAN ARAB SAUDI DENGAN DATUK MICHEAL CHEN, MENTERI PERUMAHAN DAN KEMAJUAN PERKAMPUNGAN.

DALAM PERJUMPAAN ITU DEWAN JUGA TELAH MENDESAK KERAJAAN MELULUSKAN CADANGANNY HENDAK MEMULAKAN PERKHIDMATAN BAS MINI, KATANYA. -- BERNAMA HM 1124